

16/03/2004

BN perjuang masa depan generasi muda

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menasihatkan generasi muda, terutama yang akan mengundi buat kali pertama dalam pilihan raya kali ini, memilih Barisan Nasional (BN) kerana parti itu memperjuangkan masa depan mereka.

Bekas Perdana Menteri berkata, jika generasi muda silap membuat pilihan pada 21 Mac ini, dengan memilih parti yang tidak boleh berkhidmat kepada mereka, maka generasi muda sendiri yang akan menjadi mangsa.

"Oleh itu, semua pihak patut menentukan BN menang dengan besar dalam pilihan raya pada 21 Mac ini.

"Kita akan mendapat banyak manfaat dengan hanya memangkah dacing dan memberi kemenangan kepada BN," katanya pada majlis perjumpaan dengan petugas pilihan raya BN kawasan Parlimen Titiwangsa di sini, malam tadi.

Turut hadir isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor; Ketua Penaja Umno Bahagian Titiwangsa, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed dan calon BN bagi kerusi Parlimen Titiwangsa, Datuk Astaman Abdul Aziz.

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 5,000 orang itu, Dr Mahathir menasihati generasi muda supaya meneliti dan memahami sejarah negara kerana ia memberi makna dan memberi tunjuk ajar kepada mereka.

Beliau menceritakan sejarah sebenar Pas yang wujud akibat sekelompok pemimpin Umno berpendidikan agama yang iri hati terhadap pemimpin lain parti itu seperti Datuk Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman yang diberi kedudukan oleh British.

"Mereka percaya British akan membelakangkan puak berpelajaran agama. Oleh itu, mereka membuat keputusan memisahkan diri daripada Umno dan menubuhkan parti mereka, maka bermulalah serpihan dalam gerakan orang Melayu.

"Jika tidak Pas pada masa itu, orang Melayu sampai sekarang akan terus bersatu. Dengan itu mereka akan menjadi golongan yang terkuat tetapi (pemimpin) Pas iri hati dan tubuhkan parti sendiri," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kejayaan parti komponen BN bekerjasama antara satu sama lain bagi membentuk kerajaan dan mentadbir negara tidak ada tandingan di seluruh dunia.

Katanya, walaupun ada negara cuba meniru langkah BN dengan mengadakan pakatan yang serupa, mereka gagal berbuat demikian kerana kejayaan gabungan sedemikian bergantung kepada keikhlasan parti komponen.